

### Praktis 3

Tema Buku Teks: Sukan dan Rekreasi

Berdasarkan maklumat yang disediakan, tulis sebuah karangan pendek yang panjangnya antara 50 hingga 80 patah perkataan.

Lengkapkan perenggan yang diberikan dengan frasa yang sesuai.

#### Hari Sukan Sekolah



#### Rangka Karangan

##### Pendahuluan

Pada bulan lalu – sambutan hari sukan sekolah

##### Isi 1

Perasmian oleh pengetua – kemeriahan terpancar – murid teruja

##### Isi 2

Semangat kesukanan yang tinggi – suasana gamat – acara tarik tali – antara guru

##### Isi 3

Murid memberikan sokongan – majlis penyampaian hadiah

##### Penutup

Kepayahan mendapat pingat – pengalaman bermakna

#### Karangan Cemerlang

di hadapan astaka

semangat kesukanan

sebelum bersurai

mengadakan sambutan

kepada pemenang

ada kemahuan

semua acara

bersorak untuk memberikan

Pada bulan lalu, sekolah kami telah (1) \_\_\_\_\_ hari sukan sekolah.

Temasya ini dirasmikan oleh pengetua. Kemeriahan terpancar apabila kelihatan murid yang sangat teruja untuk terlibat dalam (2) \_\_\_\_\_. Mereka juga menunjukkan (3) \_\_\_\_\_ yang tinggi. Situasi bertambah gamat apabila acara tarik tali antara guru berlangsung. Murid (4) \_\_\_\_\_ sokongan kepada guru. (5) \_\_\_\_\_, kami berkumpul (6) \_\_\_\_\_ untuk majlis penyampaian hadiah.

Kepayahan dalam mendapatkan pingat memberikan pengalaman yang cukup bermakna (7) \_\_\_\_\_, di mana (8) \_\_\_\_\_, di situ ada jalan.